

# Kegiatan korek pasir punca tanah kubur hilang

KHAWAHS 28/6/18 BERITA HARIAN M/S 19

## Perkuburan dikhuatiri lenyap disebabkan runtuhan, hakisan



**Aktiviti mengorek pasir di Sungai Saribas, dipercayai punca utama berlaku hakisan sehingga menyebabkan kerosakan teruk di Tanah Perkuburan Islam Seruai.**

dihkan melihat keadaan terkini di tanah perkuburan berkenaan yang sepatutnya dipulihara.

### Kubur 'hilang' dari lot asal

"Kita mendapat tahu masalah ini berlaku ketika datang membersihkan kubur pada Ramadan lalu. Saya terkejut apabila mendapati kubur nenek, bapa saudara dan abang 'hilang' dari lot asalnya.

"Kubur anggota keluarga saya 'dibawa' oleh runtuhannya tanah, begitu juga puluhan lot kubur lain. Malah, lokasi runtuhannya juga kini menjangkau jarak 50 meter dari tebing sungai," katanya.

Beliau bimbang sekiranya tindakan segera tidak diambil, tanah perkuburan itu akan 'lenyap' disebabkan runtuhannya berkenaan.

Katanya, tanah perkuburan Islam itu antara yang terawal wujud di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Saribas.

Ia juga tanah perkuburan berpusat yang membabitkan penduduk Islam Spaoh, Bungin, Seremban, Mangut, Supa, Medang, Balingian, Seberaman, Tanjung Assam

dan Mohd Latif Ahmad  
@nstp.com.my

spaoh

giatan mengorek pasir di Sungai Saribas, di sini, sejak beberapa tahun lalu. Aktiviti ini dipercayai punca utama hakisan dan runtuhannya di sebuah tanah perkuburan berhampiran.

fahaman, aktiviti itu dijalankan syarikat berlesen tetapi dititiri boleh melaporkan tanah runtuhannya lama berkenaan jika pengaduan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Beliau NSTP di lokasi kejadian mendapati ratusan kubur di Tanah Perkuburan Islam Seruai, yang terletak di tebing sungai berkenaan. Beliau menunggu masa untuk runtuh, beberapa kubur lama juga didapati mengalami kerosakan akibat masalah hakisan itu, manakala ada yang sudah pun berada dalam sungai.

Hasbi Ali, berkata cukup menyeyakinkan

dan Kampung Buda.

### Tiada tindakan diambil

Sementara itu, seorang penduduk yang enggan namanya disiarkan, berkata masalah itu sudah berlaku sejak beberapa tahun lalu, namun tiada tindakan diambil agensi berkaitan.

"Hakisan kian serius berikutan kegiatan mengorek dan menyedut pasir di sungai berkenaan, tidak jauh dari tanah perkuburan ini.

"Ketika majlis pengebumian penduduk baru-baru ini, kita melihat keadaan amat menyedihkan apabila begitu banyak kubur yang terletak di tebing sungai hilang dalam runtuhannya tanah," katanya.

Katanya, kegiatan mengorek dan menyedut pasir itu dipercayai menjejaskan struktur tanah dan geoteknikal di kawasan berhampiran aktiviti itu dijalankan.

"Penduduk setempat, terutama yang mendiami kawasan berhampiran tebing sungai turut menyuarakan kebimbangan masalah itu boleh menjejaskan penempatan dan keselamatan mereka," katanya.



**Hakisan dan tanah runtuh menenggelamkan sebahagian kubur lama.**